



NEGERI PULAU PINANG

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PENANG GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

Jil. 60  
No. 17

**25hb Ogos 2016**

*TAMBAHAN No. 9  
PERUNDANGAN*

---

---

**Pg. P.U. 16.**

ENAKMEN WARISAN NEGERI PULAU PINANG 2011

PERATURAN-PERATURAN WARISAN NEGERI PULAU PINANG 2016

---

SUSUNAN PERATURAN

---

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Peraturan

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

KRITERIA TAPAK WARISAN DAN WARISAN KEBUDAYAAN TIDAK KETARA

3. Kriteria bagi perisytiharan tapak warisan
4. Kriteria bagi perisytiharan warisan kebudayaan tidak ketara

BAHAGIAN III

DAFTAR WARISAN NEGERI

Peraturan

5. Daftar Warisan Negeri
6. Kewajipan Pesuruhjaya untuk menyelenggara Daftar Warisan Negeri

BAHAGIAN IV

PERAKUAN PERISYTIHARAN

7. Perakuan perisytiharan

BAHAGIAN V

PELAN PENGURUSAN PEMULIHARAAN TAPAK WARISAN DAN WARISAN  
KEBUDAYAAN TIDAK KETARA

8. Pelan pengurusan pemuliharaan tapak warisan
9. Pemuliharaan warisan kebudayaan tidak ketara

BAHAGIAN VI

BORANG

10. Borang
11. Kaedah penyampaian
12. Penyampaian ganti
13. Notis untuk memasuki tapak
14. Notis penetapan tapak warisan
15. Notis bantahan
16. Notis pendengaran
17. Notis keputusan Pesuruhjaya
18. Notis niat untuk menjual tapak warisan
19. Notis untuk menjalankan kerja pemuliharaan, pembaikan atau penyelenggaraan di tapak warisan

BAHAGIAN VII

RAYUAN

20. Tatacara rayuan

---

BAHAGIAN VIII

PENGGOMPAUNAN KESALAHAN

Peraturan

21. Kesalahan yang boleh dikompaun
22. Tawaran dan penerimaan kompaun
23. Bayaran kompaun

BAHAGIAN IX

PENILAIAN IMPAK WARISAN

24. Pengemukaan Penilaian Impak Warisan

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

JADUAL KETIGA

## ENAKMEN WARISAN NEGERI PULAU PINANG 2011

## PERATURAN-PERATURAN WARISAN NEGERI PULAU PINANG 2016

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 58(2) Enakmen Warisan Negeri Pulau Pinang 2011 [*Enakmen 14*], Pihak Berkuasa Negeri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

## BAHAGIAN I

## PERMULAAN

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Warisan Negeri Pulau Pinang 2016**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 September 2016.

**Tafsiran**

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Enakmen” ertinya Enakmen Warisan Negeri Pulau Pinang 2011 [*Enakmen 14*];

“tapak” termasuklah mana-mana kawasan, tempat, zon, warisan semula jadi, monumen atau bangunan yang melekat pada tanah, rizab arkeologi dan mana-mana tanah dengan bangunan, taman, pokok atau rizab arkeologi.

## BAHAGIAN II

## KRITERIA TAPAK WARISAN DAN WARISAN KEBUDAYAAN TIDAK KETARA

**Kriteria bagi perisytiharan tapak warisan**

3. Kriteria bagi perisytiharan tapak warisan adalah seperti yang berikut:

(a) kepentingan sejarah atau hubungan antara warisan kebudayaan ketara atau tapak warisan semula jadi dengan warisan Negeri Pulau Pinang yang menggambarkan aspek penting masyarakat, ekonomi, budaya, sejarah, alam semula jadi, sains, agama, reka bentuk dan ciri-ciri estetik atau personaliti sejarah terkemuka;

(b) reka bentuk warisan kebudayaan ketara yang mempunyai nilai-nilai estetik dalam bentuk seni bina, gaya, fabrik, hiasan atau ketukangan secara intrinsik;

- 
- (c) pembaharuan atau pencapaian saintifik atau teknikal yang mempamerkan contoh penting mengenai jenis dan teknik bangunan tertentu di Negeri Pulau Pinang;
  - (d) kepentingan ikatan sosial atau budaya masyarakat, komuniti, bangsa atau etnik;
  - (e) potensi untuk mendidik, menggambarkan atau menyediakan penyiasatan saintifik lanjut berkaitan dengan warisan kebudayaan ketara atau warisan semula jadi di Negeri Pulau Pinang;
  - (f) kepentingan dalam mempamerkan suatu kekayaan, kepelbagaian atau integrasi luar biasa bagi ciri-ciri;
  - (g) keistimewaan atau keunikan warisan kebudayaan ketara atau warisan semula jadi;
  - (h) nilai kumpulan suatu kelompok bangunan yang kepentingannya memenuhi mana-mana kriteria di atas;
  - (i) perwakilan sifat suatu warisan kebudayaan ketara atau warisan semula jadi sebagai sebahagian daripada suatu kelas atau jenis warisan kebudayaan ketara atau warisan semula jadi; atau
  - (j) apa-apa perkara lain yang relevan dalam menentukan kepentingan suatu warisan kebudayaan ketara atau warisan semula jadi.

#### **Kriteria bagi perisytiharan warisan kebudayaan tidak ketara**

4. Kriteria bagi perisytiharan warisan kebudayaan tidak ketara adalah seperti yang berikut:

- (a) diwarisi dari generasi ke generasi;
- (b) dicipta semula oleh komuniti dan kumpulan secara berterusan sebagai respons kepada persekitaran mereka, interaksi dengan alam semula jadi dan sejarah dan memberikan mereka suatu perasaan identiti dan kesinambungan;
- (c) menggalakkan rasa hormat terhadap kepelbagaian budaya dan kreativiti manusia;
- (d) unik kepada Negeri Pulau Pinang;
- (e) diamalkan atau dihormati selama beberapa generasi, walaupun telah pupus atau hampir pupus;
- (f) kewujudan artifak yang berkaitan dengan amalan seperti pakaian, instrumen dan alat;

(g) pemeliharaan dan perlindungannya akan memastikan aset budaya-sejarah kekal untuk selama-lamanya; atau

(h) ia adalah suatu item penghargaan.

### BAHAGIAN III

#### DAFTAR WARISAN NEGERI

##### **Daftar Warisan Negeri**

5. Suatu Daftar Warisan Negeri yang mengandungi senarai Warisan Negeri sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Pertama adalah diwujudkan.

##### **Kewajipan Pesuruhjaya untuk menyelenggara Daftar Warisan Negeri**

6. (1) Pesuruhjaya hendaklah menyelenggara Daftar Warisan Negeri dengan—

(a) merekodkan apa-apa pindah milik atau pertukaran pemunyaan melalui perwarisan atau jualan Warisan Negeri; atau

(b) mengemaskini butiran di dalam Daftar sebagaimana yang dia fikirkan sesuai dan perlu.

(2) Pesuruhjaya hendaklah, secara bertulis, memberitahu pemunya atau penghuni suatu tapak yang telah diisytiharkan menjadi Warisan Negeri mengenai—

(a) apa-apa pertukaran pemunyaan Warisan Negeri di dalam Daftar selaras dengan perenggan 6(1)(a); atau

(b) apa-apa pembatalan Warisan Negeri.

(3) Pesuruhjaya hendaklah memberitahu pejabat tanah di mana Tapak Warisan itu terletak mengenai apa-apa pembatalan seperti yang diperuntukkan dalam perenggan 6(2)(b).

### BAHAGIAN IV

#### PERAKUAN PERISYTIHARAN

7. (1) Apabila suatu tapak warisan atau warisan kebudayaan tidak ketara diisytiharkan menjadi Warisan Negeri di bawah seksyen 26 Enakmen, Pesuruhjaya hendaklah mengeluarkan suatu perakuan perisytiharan sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua,—

(a) bagi suatu tapak warisan, kepada pemunya atau penghuni tapak warisan itu; dan

(b) bagi suatu warisan kebudayaan tidak ketara, kepada orang yang mengamalkannya.

(2) Apabila perisytiharan tapak warisan atau warisan kebudayaan tidak ketara sebagai Warisan Negeri di bawah subperaturan (1) dibatalkan, pemunya atau penghuni tapak warisan itu atau orang yang mengamalkan warisan kebudayaan tidak ketara itu hendaklah menyerahkan perakuan perisytiharan kepada Pesuruhjaya dalam tempoh tiga bulan daripada tarikh pembatalan itu.

## BAHAGIAN V

### PELAN PENGURUSAN PEMULIHARAAN TAPAK WARISAN DAN WARISAN KEBUDAYAAN TIDAK KETARA

#### **Pelan pengurusan pemuliharaan tapak warisan**

8. (1) Pelan pengurusan pemuliharaan bagi tapak warisan hendaklah termasuk garis panduan dan tatacara terperinci bagi pemuliharaan, pembinaan semula, pengurusan dan pemeliharaan mana-mana tapak warisan.

(2) Pesuruhjaya boleh, dari semasa ke semasa, mengkaji semula pelan pengurusan pemuliharaan bagi tapak warisan sebagaimana yang dia fikirkan sesuai dan perlu.

(3) Semasa menyediakan dan mengkaji semula pelan pengurusan pemuliharaan, Pesuruhjaya hendaklah mengambil kira peruntukan semua undang-undang yang sedang berkuat kuasa pada masa itu.

#### **Pemuliharaan warisan kebudayaan tidak ketara**

9. Garis panduan bagi tujuan pemuliharaan dan pemeliharaan warisan kebudayaan tidak ketara hendaklah selaras dengan *Convention for the Safeguarding of Intangible Cultural Heritage 2003*.

## BAHAGIAN VI

### BORANG

#### **Borang**

10. Borang yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga hendaklah digunakan bagi maksud masing-masing yang dinyatakan dalam borang itu.

#### **Kaedah penyampaian**

11. (1) Tanpa prejudis kepada apa-apa kaedah penyampaian yang lain, suatu notis bolehlah disampaikan kepada seseorang atau badan bagi maksud Peraturan-Peraturan ini—

(a) dengan menghantar notis itu kepada orang itu;

- (b) dengan menghantar notis itu—
- (i) kepada pekerjaanya atau kepada anggota dewasa keluarganya di tempat tinggal atau tempat kerjanya yang biasa atau yang terakhir diketahui; atau
  - (ii) kepada pekerja atau ejen di pejabat berdaftar badan itu atau tempat perniagaan yang biasa atau yang terakhir diketahui; atau
- (c) dengan meninggalkan notis itu dalam satu sampul yang dialamatkan kepada orang atau badan—
- (i) di tempat tinggal atau tempat perniagaan orang itu yang biasa atau yang terakhir diketahui; atau
  - (ii) di pejabat berdaftar badan itu atau tempat perniagaan yang biasa atau yang terakhir diketahui;
- (d) dengan menyampaikan notis itu melalui pos berdaftar Akuan Terima kepada orang atau badan di alamat penyampaian yang diberikan menurut mana-mana peruntukan Peraturan-Peraturan ini atau, jika tiada alamat sedemikian yang telah diberikan—
- (i) di tempat tinggal atau tempat perniagaan orang itu yang biasa atau yang terakhir diketahui; atau
  - (ii) di pejabat berdaftar badan itu atau tempat perniagaan yang terakhir diketahui; atau
- (e) dengan penyampaian ganti selaras dengan peraturan 11.

(2) Suatu notis yang disampaikan melalui pos berdaftar Akuan Terima di bawah perenggan 10(1)(d) hendaklah disifatkan sebagai telah disampaikan pada masa apabila surat yang mengandungi notis itu diserahkan dalam perjalanan biasa pos; dan hendaklah menjadi bukti yang mencukupi bagi penyampaian bahawa surat itu telah dialamatkan dengan betul mengikut perenggan itu dan telah diposkan.

Dengan syarat bahawa, jika surat itu dikembalikan dengan tidak dihantar melalui pos, notis itu tidak boleh disifatkan sebagai telah disampaikan.

### **Penyampaian ganti**

12. Pesuruhjaya, apabila dia berpuas hati bahawa suatu notis tidak dapat disampaikan secara kediri atau melalui pos (sama ada oleh sebab orang yang hendak disampaikan notis itu mengelak penyampaian atau atas sebab lain), boleh memerintahkan penyampaian dibuat—



- 
- (a) dengan menampalkan satu salinan notis itu pada kedudukan yang mudah dilihat—
- (i) di tapak di mana boleh; dan
  - (ii) di mahkamah, masjid atau pejabat penghulu atau balai, atau di pasar atau tempat awam lain, dalam kawasan di mana tapak itu terletak; dan
- (b) dengan menyiarkan suatu salinan notis itu dalam *Warta* dan, jika dia fikirkan patut, dalam satu atau lebih surat khabar yang diedarkan dalam Negeri Pulau Pinang.

#### **Notis untuk memasuki tapak**

13. Pada menjalankan kuasa di bawah seksyen 20 Enakmen, Pesuruhjaya atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa hendaklah memberikan suatu notis dalam Borang A Jadual Ketiga kepada pemunya atau penghuni mana-mana tapak untuk memasuki tapaknya bagi pemeriksaan tidak kurang daripada empat belas hari daripada tarikh kemasukan itu.

#### **Notis penetapan tapak warisan**

14. Pesuruhjaya hendaklah, selepas membuat keputusan untuk menetapkan suatu tapak sebagai tapak warisan di bawah seksyen 21 Enakmen, memberikan suatu notis—

- (a) kepada pemunya atau penghuni tapak, dalam Borang B Jadual Ketiga; dan
- (b) kepada pejabat tanah di mana tapak itu terletak, dalam Borang C Jadual Ketiga.

#### **Notis bantahan**

15. Suatu bantahan kepada Pesuruhjaya di bawah seksyen 22 Enakmen hendaklah difailkan melalui suatu notis dalam Borang D Jadual Ketiga dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh penyiaran notis di bawah perenggan 21(2)(a) Enakmen.

#### **Notis pendengaran**

16. Pesuruhjaya hendaklah, selepas menetapkan tarikh, masa dan tempat untuk mendengar bantahan di bawah subseksyen 23(1) Enakmen, memberikan notis dalam Borang E Jadual Ketiga kepada pihak yang membantah sekurang-kurangnya dua puluh satu hari sebelum tarikh pendengaran dijalankan.

---

**Notis keputusan Pesuruhjaya**

17. (1) Pesuruhjaya hendaklah, selepas mendengar bantahan di bawah seksyen 22 dan tertakluk kepada seksyen 25 Enakmen, memberikan notis mengenai keputusannya dalam Borang F Jadual Ketiga kepada pemunya atau penghuni tapak itu.

(2) Semasa membuat keputusan di bawah subperaturan (1), Pesuruhjaya hendaklah memberikan alasan dan sebab keputusannya, sama ada untuk menetapkan atau untuk tidak meneruskan penetapan tapak itu sebagai tapak warisan.

**Notis niat untuk menjual tapak warisan**

18. Menurut seksyen 32 Enakmen, pemunya Tapak Warisan yang berniat untuk menjual Tapak Warisan hendaklah memberitahu Pesuruhjaya dalam Borang G Jadual Ketiga dalam tempoh dua puluh lapan hari daripada tarikh perjanjian jual beli ditandatangani.

**Notis untuk menjalankan kerja pemuliharaan, pembaikan atau penyelenggaraan di tapak warisan**

19. Menurut seksyen 34 Enakmen, Pesuruhjaya hendaklah memberikan suatu notis dalam Borang H Jadual Ketiga kepada pemunya atau penghuni tapak warisan untuk memasuki tapak bagi menjalankan apa-apa kerja pemuliharaan, pembaikan atau penyelenggaraan tidak kurang daripada empat belas hari daripada tarikh kemasukan itu.

**BAHAGIAN VII****RAYUAN****Tatacara rayuan**

20. (1) Suatu rayuan kepada Pihak Berkuasa Negeri di bawah subseksyen 25(1) Enakmen hendaklah difailkan melalui notis rayuan dalam Borang I Jadual Ketiga dalam tempoh tiga puluh hari daripada tarikh keputusan itu.

(2) Suatu rayuan di bawah subperaturan (1) hendaklah disertakan dengan bayaran fi sebagaimana yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

(3) Apabila menerima suatu notis rayuan di bawah subperaturan (1), Pihak Berkuasa Negeri hendaklah meminta Pesuruhjaya untuk membekalkan alasan bertulis bagi keputusan yang dibuat di bawah subseksyen 24(1) Enakmen.

(4) Pihak Berkuasa Negeri hendaklah menimbangkan rayuan berdasarkan alasan rayuan perayu, alasan keputusan Pesuruhjaya dan apa-apa dokumen yang dikemukakan kepadanya.

(5) Dalam membuat suatu keputusan, Pihak Berkuasa Negeri boleh mendapatkan pandangan Majlis berhubung dengan rayuan itu.

(6) Perintah yang dibuat oleh Pihak Berkuasa Negeri di bawah subperaturan (1) adalah muktamad dan tiada rayuan boleh dibuat daripadanya.

## BAHAGIAN VIII

### PENGGOMPAUNAN KESALAHAN

#### **Kesalahan yang boleh dikompaun**

21. Kesalahan di bawah Enakmen boleh dikompaun dengan keizinan secara bertulis Timbalan Pendakwa Raya dalam Borang J Jadual Ketiga.

#### **Tawaran dan penyetujuterimaan kompaun**

22. (1) Suatu tawaran untuk mengkompaun suatu kesalahan hendaklah dibuat oleh Pesuruhjaya dalam Borang K Jadual Ketiga.

(2) Seseorang yang menyetujui terima suatu tawaran untuk mengkompaun suatu kesalahan hendaklah membayar kompaun itu dengan menggunakan Borang L Jadual Ketiga.

#### **Bayaran kompaun**

23. (1) Jika suatu tawaran untuk mengkompaun suatu kesalahan telah dibuat dan disetujui terima oleh orang yang kepadanya tawaran itu dibuat, orang itu hendaklah membuat bayaran kompaun itu sama ada melalui kiriman wang atau draf bank kepada Pesuruhjaya Warisan Negeri dan dipalang dengan perkataan "Akaun Penerima Sahaja".

(2) Bayaran itu hendaklah diserahkan secara sendiri atau dihantar melalui pos berdaftar ke alamat yang dinyatakan dalam Notis Tawaran untuk Mengkompaun Kesalahan.

(3) Suatu resit hendaklah dikeluarkan untuk pembayaran yang diterima di bawah subperaturan (1) kepada orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun itu dibuat.

## BAHAGIAN IX

### PENILAIAN IMPAK WARISAN

#### **Pengemukakan Penilaian Impak Warisan**

24. Pesuruhjaya boleh menghendaki suatu Penilaian Impak Warisan atau apa-apa penilaian untuk dikemukakan apabila kebenaran merancang atau perintah pembangunan yang melibatkan suatu Tapak Warisan Negeri atau yang berdekatan dengannya diminta.

JADUAL PERTAMA

ENAKMEN WARISAN NEGERI PULAU PINANG 2011

PERATURAN-PERATURAN WARISAN NEGERI PULAU PINANG 2016

[Peraturan 5]

DAFTAR WARISAN NEGERI

Bil.	*Item Warisan	**Kategori	Alamat/Lokasi	Daerah	Warisan Negeri			Tarikh	
					Nombor Sijil	Nombor Warta	Pemunya	Masuk	Keluar

*\*Bagi Warisan Kebudayaan Ketara, sama ada suatu kawasan, monumen atau bangunan. Bagi Warisan Kebudayaan Tidak Ketara, sama ada suatu bahasa, not, lagu, puisi, muzik, tarian, makanan, dsb. Bagi Warisan Semula Jadi, sama ada suatu gunung, sungai, anak sungai, pokok, pembentukan batu, dsb. (rujuk seksyen 2 Enakmen 14).*

*\*\*Sama ada Warisan Kebudayaan Ketara/Tidak Ketara atau Warisan Semula Jadi.*

JADUAL KEDUA

ENAKMEN WARISAN NEGERI PULAU PINANG 2011

PERATURAN-PERATURAN WARISAN NEGERI PULAU PINANG 2016

[Peraturan 7]

PERAKUAN PERISYTIHARAN

Nombor Sijil: .....

Menurut seksyen 26 Enakmen Warisan Negeri Pulau Pinang 2011 [*Enakmen 14*], Pesuruhjaya Warisan Negeri, dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri, dengan ini mengisytiharkan bahawa Tapak Warisan/Warisan Kebudayaan Tidak Ketara\* yang berikut menjadi Warisan Negeri:

.....

Tarikh: .....

.....  
(*Pesuruhjaya Warisan Negeri*)

\* *Potong yang mana tidak berkenaan.*

JADUAL KETIGA

BORANG A

NOTIS UNTUK MEMASUKI TAPAK BAGI PEMERIKSAAN

[SUBSEKSYEN 20(2) ENAKMEN WARISAN  
NEGERI PULAU PINANG 2011]

Kepada:  
(Pemunya/Penghuni Tapak)

.....  
.....  
.....

Dengan ini diberitahu bahawa Pesuruhjaya Warisan Negeri dan/atau pegawai yang diberi kuasa akan memasuki tapak dalam kawasan yang diperihalkan dalam Jadual di bawah, termasuk tanah yang, jika ada, ditentukan dengan nombor

lot atau nombor-nombor lot tanah yang berhampiran, daripada ..... sehingga ..... (masukkan tarikh) untuk menjalankan penyiasatan dan pemeriksaan bagi tujuan menetapkan tapak itu sebagai Tapak Warisan.

Tarikh: .....

.....  
(*Pesuruhjaya Warisan Negeri*)

JADUAL

No. Lot/Premis : .....  
Mukim/Seksyen : .....  
Daerah : .....  
Bandar : .....  
Perihal Kawasan : .....

BORANG B

NOTIS PENETAPAN TAPAK SEBAGAI TAPAK WARISAN

[SUBSEKSYEN 21(1) ENAKMEN WARISAN  
NEGERI PULAU PINANG 2011]

Kepada:  
(Pemunya/Penghuni Tapak)

.....  
.....  
.....

Dengan ini diberitahu bahawa Pesuruhjaya Warisan Negeri memberi notis tentang niatnya untuk menetapkan tapak dalam kawasan yang diperihalkan dalam Jadual di bawah, termasuk tanah, jika ada, yang ditentukan dengan nombor lot atau nombor-nombor lot tanah yang berhampiran, sebagai Tapak Warisan.

2. Pemunya/penghuni tapak itu atau mana-mana orang lain yang terjejas atau berkemungkinan akan terjejas dengan penetapan ini boleh membuat bantahan terhadapnya dengan menyampaikan notis bantahan kepada Pesuruhjaya Warisan Negeri dalam tempoh tiga puluh hari daripada tarikh notis ini disiarkan dalam *Warta* dan suatu akhbar tempatan, yang mana kemudian.

Tarikh: .....

.....  
(*Pesuruhjaya Warisan Negeri*)

## JADUAL

No. Lot/Premis : .....  
 Mukim/Seksyen : .....  
 Daerah : .....  
 Bandar : .....  
 Perihal Kawasan : .....

Saya, ..... (masukkan nama dan No. KP)  
 dengan ini mengaku menerima notis di atas.

.....  
 (tandatangan)

Tarikh: .....

## BORANG C

NOTIS KEPADA PEJABAT TANAH  
 BERHUBUNG PENETAPAN TAPAK SEBAGAI TAPAK WARISAN

[PERENGGAN 21(2)(b) ENAKMEN WARISAN  
 NEGERI PULAU PINANG 2011]

Kepada:  
 (Pejabat Pengarah Tanah dan Galian/Pejabat Tanah)

.....  
 .....  
 .....

Dengan ini diberitahu bahawa Pesuruhjaya Warisan Negeri berniat untuk menetapkan tapak dalam kawasan yang diperihalkan dalam Jadual di bawah, termasuk tanah, jika ada, yang ditentukan dengan nombor lot atau nombor-nombor lot tanah yang berhampiran, sebagai Tapak Warisan. Suatu notis berkenaannya telah diberikan kepada pemunya/penghuni tapak itu pada ..... (masukkan tarikh notis).

2. Pemunya/penghuni tapak itu atau mana-mana orang lain yang terjejas atau berkemungkinan akan terjejas dengan penetapan ini boleh membuat bantahan terhadapnya dengan menyampaikan notis bantahan kepada Pesuruhjaya Warisan Negeri dalam tempoh tiga puluh hari daripada tarikh penyiaran notis di bawah perenggan 21(2)(a) Enakmen Warisan Negeri Pulau Pinang 2011.

Tarikh: .....

.....  
 (Pesuruhjaya Warisan Negeri)

JADUAL

No. Lot/Premis : .....  
 Mukim/Seksyen : .....  
 Daerah : .....  
 Bandar : .....  
 Perihal Kawasan : .....

BORANG D

NOTIS BANTAHAN

[SEKSYEN 22 ENAKMEN WARISAN NEGERI PULAU PINANG 2011]

No. Rujukan:

Kepada:  
 Pesuruhjaya Warisan Negeri  
 .....  
 .....

NOTIS BANTAHAN TERHADAP PENETAPAN .....  
 ..... (masukkan no. lot/premis, mukim/seksyen dan daerah tapak itu)  
 sebagai TAPAK WARISAN.

Saya ..... (masukkan nama dan No. KP)  
 adalah pemunya/penghuni/orang yang terjejas/orang yang berkemungkinan akan  
 terjejas\* dengan penetapan tapak berikut sebagai Tapak Warisan dengan ini  
 memberikan notis bantahan kepada Pesuruhjaya Warisan Negeri:

No. Lot/Premis : .....  
 Mukim/Seksyen : .....  
 Daerah : .....  
 Bandar : .....

Alasan bagi bantahan saya adalah seperti yang berikut:  
 (i) .....  
 (ii) .....  
 (iii) .....  
 (Sila gunakan lampiran berasingan jika perlu)

Terima kasih.

..... )  
 (Nama: )  
 (No. yang boleh dihubungi: )

\* Potong yang mana tidak berkenaan.



## BORANG E

## NOTIS PENDENGARAN

[SUBSEKSYEN 23(1) ENAKMEN WARISAN  
NEGERI PULAU PINANG 2011]

Kepada:

(Pihak yang membantah)

.....  
.....

Pesuruhjaya Warisan Negeri telah menerima suatu notis bantahan terhadap penetapan tapak yang diperihalkan dalam Jadual di bawah sebagai suatu Tapak Warisan.

2. Pendengaran bantahan itu telah ditetapkan seperti berikut:

Tarikh : .....

Masa : .....

Tempat : .....

3. Sila ambil perhatian bahawa kamu dikehendaki hadir sendiri untuk memberi keterangan dan menyampaikan alasan bagi bantahan dan untuk mengemukakan dokumen/bahan yang relevan semasa pendengaran itu.

Tarikh: .....

.....  
(*Pesuruhjaya Warisan Negeri*)

## JADUAL

No. Lot/Premis : .....

Mukim/Seksyen : .....

Daerah : .....

Bandar : .....

Perihal Kawasan : .....

Saya, ..... (masukkan nama dan No. KP)  
dengan ini mengaku menerima notis di atas.

.....  
(*tandatangan*)

Tarikh: .....

BORANG F

NOTIS KEPUTUSAN PESURUHJAYA WARISAN NEGERI

[SEKSYEN 24 ENAKMEN WARISAN NEGERI PULAU PINANG 2011]

Kepada:  
(Pemunya/penghuni tapak)

.....  
.....  
.....

Selepas mendengar bantahan pada ..... (masukkan tarikh),  
Pesuruhjaya telah memutuskan untuk menetapkan/untuk tidak meneruskan  
dengan\* penetapan tapak yang diperihalkan dalam Jadual di bawah sebagai  
Tapak Warisan.

2. Alasan ringkas keputusan saya adalah seperti yang berikut:

.....  
.....  
.....

Tarikh: .....

.....  
(Pesuruhjaya Warisan Negeri)

JADUAL

No. Lot/Premis : .....  
Mukim/Seksyen : .....  
Daerah : .....  
Bandar : .....  
Perihal Kawasan : .....

\* Potong yang mana tidak berkenaan.

BORANG G

NOTIS NIAT UNTUK MENJUAL TAPAK WARISAN

[SEKSYEN 32 ENAKMEN WARISAN NEGERI PULAU PINANG 2011]

Kepada:

Pesuruhjaya Warisan Negeri

Dengan ini diberitahu bahawa saya .....  
No. KP: ..... berniat untuk menjual keseluruhan/  
separuh/sebahagian\* daripada Tapak Warisan yang diperihalkan di perenggan  
1 Jadual di bawah yang telah ditetapkan sebagai suatu Tapak Warisan pada  
..... (masukkan tarikh).

2. Butir-butir tentang perjanjian jual beli sebagaimana yang dikehendaki dalam perenggan 2 Jadual di bawah telah diisi.

Tarikh: .....

.....  
(*tandatangan pemunya*)

#### JADUAL

1. No. Lot/Premis : .....
- Mukim/Seksyen : .....
- Daerah : .....
- Bandar : .....
- Perihal Kawasan : .....
  
2. Nama Penjual : .....
- Nama Pembeli : .....
- Tarikh Perjanjian : .....

Saya, ..... dengan ini mengaku menerima notis di atas.

.....  
(*Pesuruhjaya Warisan Negeri*)

Tarikh: .....

\* Potong yang mana tidak berkenaan.

#### BORANG H

#### NOTIS UNTUK MEMASUKI TAPAK WARISAN BAGI KERJA PEMULIHARAAN, PEMBAIKAN ATAU PENYELENGGARAAN

[SEKSYEN 34 ENAKMEN WARISAN NEGERI PULAU PINANG 2011]

Kepada:  
(Pemunya/penghuni tapak)

.....  
.....  
.....

Dengan ini diberitahu bahawa Pesuruhjaya Warisan Negeri telah memberi kuasa kepada pegawai berikut untuk memasuki tapak di .....  
..... (masukkan alamat) daripada  
..... hingga ..... (masukkan tarikh) untuk menjalankan kerja pemuliharaan/pembaikan/penyelenggaraan\* di tapak itu:

(a) .....  
(masukkan nama, No. KP dan No. Kad Kuasa)

(b) .....  
(masukkan nama, No. KP dan No. Kad Kuasa)

(c) .....  
(masukkan nama, No. KP dan No. Kad Kuasa)

Tarikh: .....

.....  
(*Pesuruhjaya Warisan Negeri*)

\* *Potong yang mana tidak berkenaan.*

BORANG I

NOTIS RAYUAN TERHADAP KEPUTUSAN PESURUHJAYA

[SEKSYEN 25 ENAKMEN WARISAN NEGERI PULAU PINANG 2011]

Rayuan No.: .....

Pihak Berkuasa Negeri  
Pulau Pinang

1. Saya/Kami\* .....  
(No. KP/No. Syarikat\*: .....)  
beralamat di .....  
..... merayu kepada Pihak Berkuasa Negeri terhadap  
keputusan Pesuruhjaya untuk menetapkan tapak sebagai Tapak Warisan di  
bawah subseksyen 24(1) Enakmen yang telah dibuat pada .....  
(masukkan tarikh) dan disampaikan kepada \*saya/kami pada .....  
(masukkan tarikh)

2. Saya/Kami\* adalah:

\*(a) Pemunya/penghuni tapak; atau

\*(b) Pemunya tanah yang berdekatan yang dipegang di bawah  
.....(No. Hakmilik/Lot .....

3. Alasan ringkas rayuan saya/kami\* ialah seperti yang berikut:

.....  
.....  
.....  
.....

4. Nama dan alamat pihak lain yang berkepentingan (setakat yang saya/kami\* ketahui) adalah:

- (a) .....
- (b) .....
- (c) .....

5. Berhubung dengan rayuan ini:

\*(a) alamat saya/kami\* adalah seperti yang dinyatakan dalam perenggan (1) di atas; atau

\*(b) alamat peguam/wakil saya/kami\* ialah seperti yang berikut:

.....  
 .....; dan

(c) nombor telefon saya/kami\* ialah .....

6. Satu salinan keputusan Pesuruhjaya yang diterima oleh saya/kami\* dilampirkan bersama ini.

Tarikh: .....

.....  
 (tandatangan perayu atau  
 peguam/wakil)

\* Potong yang mana tidak berkenaan.

*Nota:*

- (i) *Helaian berasingan boleh digunakan jika ruang yang disediakan tidak mencukupi.*
- (ii) *Borang ini boleh dicetak sendiri oleh perayu dengan syarat kandungannya mematuhi format di atas.*

## BORANG J

### KEIZINAN UNTUK MENGGOMPAUN KESALAHAN

[SEKSYEN 56 ENAKMEN WARISAN NEGERI PULAU PINANG 2011]

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 56(1) Enakmen Warisan Negeri Pulau Pinang 2011 [*Enakmen 14*] dan subseksyen 376(3) Kanun Tatacara Jenayah [*Akta 593*], saya, .....,  
 (masukkan nama), dengan ini memberi keizinan untuk mengkompaun

..... (masukkan nama orang/syarikat/perniagaan/badan) bagi kesalahan yang telah dilakukan di bawah seksyen ..... Enakmen Warisan Negeri Pulau Pinang 2011 [*Enakmen 14*] yang dikatakan dilakukan pada ..... (masukkan tarikh) di ..... (masukkan tempat).

Tarikh: .....

.....  
(*Timbalan Pendakwa Raya*)

BORANG K

NOTIS TAWARAN UNTUK MENGGOMPAUN KESALAHAN

[SUBSEKSYEN 56(1) ENAKMEN WARISAN  
NEGERI PULAU PINANG 2011]

Apabila menjawab sila nyatakan:

Nombor Rujukan : .....

Tarikh : .....

Kepada:

(masukkan nama orang/syarikat/perniagaan/badan)

.....  
.....

Tuan/Puan,

Suatu penyiasatan telah dijalankan terhadap anda dan anda didapati telah melakukan suatu kesalahan di bawah Enakmen Warisan Negeri Pulau Pinang 2011 [*Enakmen 14*] dengan butir-butir yang berikut:

(a) Peruntukan yang berkenaan dalam Enakmen: .....

(b) Tarikh: .....

(c) Masa: .....

(d) Tempat: .....

(e) Butir-butir kesalahan:

.....  
.....  
.....  
.....

2. Menurut subseksyen 56(1) Enakmen Warisan Negeri Pulau Pinang 2011 [*Enakmen 14*], anda ditawarkan kompaun bagi kesalahan yang dinyatakan di atas bagi jumlah wang sebanyak RM ..... (Ringgit Malaysia .....).

3. Jika tawaran ini diterima, pembayaran hendaklah dibuat sama ada melalui kiriman wang atau draf bank yang kena dibayar kepada Pesuruhjaya Warisan Negeri dan dipalang dengan perkataan "Akaun Penerima Sahaja" berserta dengan Borang L yang telah lengkap diisi dan boleh diserahkan secara sendiri atau dihantar melalui pos berdaftar ke alamat yang berikut:

.....  
 .....

4. Suatu resit rasmi akan dikeluarkan apabila bayaran kompaun diterima.

5. Tawaran untuk mengkompaun ini kekal berkuat kuasa sehingga ..... dan jika tiada pembayaran diterima pada atau sebelum tarikh itu, pendakwaan bagi kesalahan boleh dimulakan terhadap anda tanpa notis lanjut.

Tarikh: .....

.....  
 (Pesuruhjaya Warisan Negeri)

#### BORANG L

#### PENYETUJUTERIMAAN TAWARAN UNTUK MENGGOMPAUN KESALAHAN

[SEKSYEN 56 ENAKMEN WARISAN NEGERI PULAU PINANG 2011]

Apabila menjawab sila nyatakan:

Nombor Rujukan : .....

Tarikh : .....

Kepada:

.....  
 .....

Tuan/Puan,

Saya merujuk kepada Notis Tawaran untuk Mengkompaun Kesalahan dengan nombor rujukan ..... bertarikh .....

2. Saya bersetuju menerima tawaran untuk mengkompaun dan bersama ini disertakan kiriman wang/draf bank\* No. .... bagi jumlah wang sebanyak RM ..... (Ringgit Malaysia .....) sebagai penyelesaian penuh bagi jumlah wang yang dinyatakan dalam perenggan 2 Notis Tawaran untuk Mengkompaun Kesalahan.

---

Tandatangan: .....  
 Nama: ..... (dalam huruf besar)  
 Nombor Kad Pengenalan: .....  
 Jawatan: ..... (jika berkenaan)  
 Untuk dan bagi pihak: ..... (jika berkenaan)  
 (nyatakan nama syarikat/perniagaan/badan\*)

Meterai syarikat/Cop perniagaan atau badan\*: ..... (jika berkenaan)

No. Pendaftaran syarikat/perniagaan/badan/No. Lesen/No. Permit\*: .....(jika berkenaan)

Alamat:  
 .....  
 .....  
 .....  
 .....  
 .....

Tarikh: .....

*\* Potong mana yang tidak berkenaan.*

Dibuat 25 Ogos 2016  
 [JPBD/01/0004/43; PUNPP 352/100/1/2/SUB/42 JILID 3]

MUHAMAD AZRAI BIN MOHAMAD ZAINI  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri*  
*Pulau Pinang*



---

STATE OF PENANG HERITAGE ENACTMENT 2011

STATE OF PENANG HERITAGE REGULATIONS 2016

---

ARRANGEMENT OF REGULATIONS

---

PART I

PRELIMINARY

Regulations

1. Citation and commencement
2. Interpretation

PART II

CRITERIA OF HERITAGE SITE AND INTANGIBLE CULTURAL HERITAGE

3. Criteria for the declaration of heritage site
4. Criteria for the declaration of intangible cultural heritage

PART III

STATE HERITAGE REGISTER

5. State Heritage Register
6. Duty of Commissioner to maintain State Heritage Register

PART IV

CERTIFICATE OF DECLARATION

7. Certificate of declaration

PART V

CONSERVATION MANAGEMENT PLAN OF HERITAGE SITE AND  
INTANGIBLE CULTURAL HERITAGE

8. Conservation management plan of heritage site
9. Conservation of intangible cultural heritage

PART VI

FORMS

Regulations

10. Forms
11. Methods of service
12. Substituted service
13. Notice to enter site
14. Notice of designation of heritage site
15. Notice of objection
16. Notice of hearing
17. Notice of decision of Commissioner
18. Notice of intention to sell heritage site
19. Notice to carry out conservation, repair or maintenance work on heritage site

PART VII

APPEAL

20. Procedure of appeal

PART VIII

COMPOUNDING OF OFFENCES

21. Compoundable offences
22. Offer and acceptance of compound
23. Payment of compound

PART IX

HERITAGE IMPACT ASSESSMENT

